



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN BIL 3 TAHUN 2011

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

Kementerian Kesihatan Malaysia

KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN BAGI ANGGOTA-ANGGOTA INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM) DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bahawa penggunaan Surat Jaminan (*Guarantee Letter-GL*) secara manual atau secara *online* (eGL) dari Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) boleh diterima untuk tujuan mendapatkan kemudahan perubatan di semua hospital KKM.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama agensi pusat telah bersetuju bahawa anggota-anggota IIM dan UIAM tidak ditakrifkan sebagai penjawat awam kerana kedua-duanya merupakan agensi yang telah ditubuhkan melalui Akta Syarikat 1965. Oleh yang demikian, anggota-anggota IIM dan UIAM tidak layak mendapat kemudahan rawatan perubatan percuma di hospital-hospital Kerajaan.

3. Walau bagaimanapun, agensi pusat serta Kementerian ini telah bersetuju bahawa Surat Jaminan (*Guarantee Letter-GL*) dari IIM dan UIAM secara manual atau secara *online* (eGL) boleh diguna pakai di semua hospital Kerajaan untuk tujuan mendapatkan kemudahan perubatan samada sebagai pesakit luar atau sebagai pesakit dalam dengan semua kos perubatan akan ditanggung oleh IIM dan UIAM.

PERATURAN CAJ

4. Caj yang dikenakan adalah mengikut kadar orang awam seperti mana yang ditetapkan di dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982 bagi warganegara dan Perintah Fee (Perubatan) (Pindaan) 2003 bagi warganegara asing.
5. Anggota yang terlibat atau tanggungannya hendaklah mengemukakan GL secara manual atau mengemukakan MyKad, passport atau ID anggota IIM atau UIAM bagi semakan eGL semasa mendaftar di kaunter pendaftaran/kemasukan ke wad. Pihak IIM dan UIAM hendaklah menetapkan kelayakan kelas wad bagi setiap anggota serta tanggungan mereka, tetapi tidak boleh mengenakan syarat-syarat seperti had bayaran atau jenis rawatan yang boleh mengganggu pentadbiran dan perkhidmatan di hospital.

PROSEDUR PELAKSANAAN

6. Anggota-anggota IIM dan UIAM atau tanggungan mereka yang layak perlu mengemukakan GL atau membuat semakan eGL semasa mendaftar di kaunter pendaftaran/kemasukan ke wad.
7. Hospital yang berkenaan akan mengemukakan semua bil hospital pesakit dalam secara berkelompok kepada IIM dan UIAM pada setiap akhir bulan.
8. Semua bil hospital hendaklah dihantar bagi tujuan pembayaran kepada :
 - (a) Pengarah
Pusat Kesihatan UIAM
Jalan Gombak
53100 Selangor

atau,

(b) Institut Integriti Malaysia
Bahagian Khidmat Pengurusan
Menara Integriti
Persiaran Duta Off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur

9. Semua bil yang diterima oleh IIM atau UIAM hendaklah dibuat akuan penerimaan dan memastikan semua bil dijelaskan dalam tempoh 14 hari. Kegagalan menjelaskan bil-bil rawatan hospital dalam tempoh masa yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh semua pihak berkenaan secara berterusan akan mengakibatkan Kementerian ini mengambil tindakan menarik balik kemudahan ini.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NG SWEE TING)
Setiausaha Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : **14** April 2011

s.k :

Ketua Setiausaha

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Bahagian Saraan

Aras 5 & 6, Blok A

Bangunan MKN-Embassy Techzone

No 3200 Jalan Teknokrat 2

63000 Cyberjaya, Sepang, Selangor

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Bahagian Pengurusan Maklumat

Blok A Bangunan MKN-Embassy Techzone

No 3200 Jalan Teknokrat 2

63000 Cyberjaya, Sepang, Selangor

Ketua Pengarah

Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

Bahagian Perkhidmatan Gunasama ICT

Aras 1, Bangunan MKN-Embassy Techzone

Blok B, No 3200, Jalan Teknokrat 2

63000 Cyberjaya, Sepang, Selangor

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan Malaysia

Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan

Aras 4 Blok Tengah

Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 Putrajaya

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastaaan
Aras 5, Blok Selatan
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 5, Blok E3 Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 Putrajaya

Presiden
Institut Integriti Malaysia
Menara Integriti
Persiaran Duta Off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif
Bahagian Sumber Manusia
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jalan Gombak
53100 Kuala Lumpur